



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
KEMENTERIAN AIR TANAH DAN SUMBER ASLI**

**BERHUBUNG KEJADIAN BANJIR KILAT
DI LEMBAH KLANG/ SELANGOR PADA 11 NOVEMBER 2018**

13 NOVEMBER 2018

1. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) ingin memaklumkan bahawa kejadian lima buah kenderaan yang terperangkap di dalam kejadian banjir kilat pada 11 November 2018 yang lalu berlaku di dalam terowong di Jalan Tun Razak dan BUKANNYA di dalam Terowong SMART seperti yang dilapor dalam Berita Nasional, Radio Televisyen Malaysia (RTM).
2. Berdasarkan rekod yang dicatatkan oleh pihak JPS mendapati jumlah hujan yang diterima di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor adalah amat tinggi disebabkan oleh hujan lebat luar biasa yang turun dalam jangka masa yang singkat.
3. Kejadian banjir kilat ini berlaku disebabkan sebahagian daripada sistem saliran dalaman yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah aliran permukaan daripada hujan lebat tersebut menyebabkan air bertakung di jalan dan membanjiri terowong jalan (underpass). Purata kedalaman banjir di kawasan-kawasan yang terlibat adalah dalam lingkungan 0.1–1.0 meter dalam tempoh masa kurang dari satu jam.

**KEMENTERIAN AIR TANAH DAN SUMBER ASLI
PUTRAJAYA
13 NOVEMBER 2018**